



LPSVN UKK/600-01/05 JILID 2 (33)

## SIARAN MEDIA

### PROGRAM ARCA PUALAM ANJURAN BALAI SENI NEGARA CAWANGAN IPOH

**25 MEI 2026** – Program Arca Pualam anjuran Balai Seni Negara Cawangan Ipoh telah berlangsung dengan jayanya selama enam hari bermula 18 hingga 23 Mei 2026 di Ipoh, sebagai inisiatif yang mengangkat keunikan material geologi tempatan melalui pendekatan seni sezaman. Program ini memberi fokus kepada penghasilan karya arca berasaskan batu kapur, iaitu khazanah alam yang sinonim dengan negeri Perak.

Program ini menghimpunkan tujuh orang seniman tempatan yang merupakan anak watan negeri Perak dari pelbagai pendekatan seni yang berbeza. Antaranya ialah Dr. Ramlan Abdullah (Taiping), Dr. Choong Kam Kow dan Tan Vooi Yam (Bercham), Daud Abdul Rahim (Lenggong), serta Raja Shahrman Raja Aziddin, Ibrahim Mohd Don dan Hilal Mazlan yang masing-masing dari Kuala Kangsar. Turut terlibat dalam menjayakan program ini ialah Adib Ramlan, Amir Hakimie Mohd Nor, Zahir Ismail, Nazri Abdullah, Abdul Hamid Muhamad dan Iskandar Murad.

Sepanjang program berlangsung, sebanyak tujuh arca telah berjaya dihasilkan, memperlihatkan kepelbagaian idea, pendekatan artistik serta interpretasi kreatif para seniman terhadap material semula jadi yang menjadi identiti negeri Perak. Setiap karya yang dihasilkan bukan sahaja menampilkan nilai estetika yang tinggi, malah turut mengangkat naratif berkaitan alam, budaya, sejarah serta hubungan manusia dengan persekitaran.

Selain membuka dimensi baharu dalam interaksi estetik terhadap sumber alam semula jadi, program ini turut berpotensi memperkukuh sektor pelancongan seni dan budaya serta memperkenalkan identiti seni tempatan yang unik kepada masyarakat dan pelancong, khususnya di negeri Perak.

Balai Seni Negara merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen dalam menjayakan program ini. Tahniah juga diucapkan kepada para seniman yang berjaya menampilkan karya-

karya berkualiti dan penuh nilai kreativiti dalam memperkasa medium arca pualam sebagai manifestasi seni visual kontemporari negara.

Karya-karya yang dihasilkan menerusi program ini dijangka menjadi antara tarikan apabila Balai Seni Negara Cawangan Ipoh dibuka kepada orang ramai tidak lama lagi, sekali gus memberi peluang kepada masyarakat dan pencinta seni untuk mendekati keunikan seni arca tempatan dengan lebih dekat. Inisiatif seperti ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada perkembangan seni arca tempatan di samping memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab seni visual yang progresif dan berdaya saing di peringkat nasional serta antarabangsa.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my) atau ikuti saluran media sosial rasmi Balai Seni Negara dan Balai Seni Negara Cawangan Ipoh.

---

*Dikeluarkan:*

**Unit Komunikasi Korporat  
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala

Lumpur Tel: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: [ukk@artgallery.gov.my](mailto:ukk@artgallery.gov.my) W: [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)

**Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

**Balai Seni Negara:**

**Mohd Zuriyadi Sarpin**

T: +60 11 1005 5207

E: [zuriyadi@artgallery.gov.my](mailto:zuriyadi@artgallery.gov.my)

**Intan Syazwina Suhaimi**

T: +60 19 998 5884

E: [syazwina@artgallery.gov.my](mailto:syazwina@artgallery.gov.my)